


NOTA PENTING

Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil pelan **PA Pekerja Asing**. Sila pastikan untuk membaca terma dan syarat umum.

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya agar tidak membuat salah nyata dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk insurans ini), sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion. Anda mesti menjawab semua soalan dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya dalam menjawab sebarang pertanyaan boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas akan berterusan sehingga kontrak insurans anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Di samping menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu boleh menjadi relevan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada kami akan sebarang maklumat yang tidak tepat atau telah berubah dalam Borang Cadangan (atau apabila anda sudah memohon insurans ini) dengan kadar segera, pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimasukkan, diubah dan/atau diperbaharui dengan kami.

1) Apakah Produk ini?

Insurans Pekerja Asing ini direka khas untuk memberikan perlindungan insurans selama 24 jam dan manfaat kepada pekerja-pekerja asing, sebagai tambahan kepada perlindungan insurans wajib yang diperlukan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

2) Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

No.	Manfaat	Jumlah yang Diinsuranskan (RM)
1	Kematian Akibat Kemalangan	30,000.00
2	Kehilangupayaan Kekal	30,000.00
3	Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan (had agregat bagi setiap pekerja)	Sehingga 1,500.00
4	Perbelanjaan Penghantaran Balik	Sehingga 5,000.00
5	Kerugian Levi akibat dari kehilangan pekerja (Manfaat Pilihan)	Sehingga 2,500.00

Polisi ini memberi pampasan kepada anda sekiranya pekerja asing mengalami kecederaan pada sewaktu bekerja atau di luar waktu pekerjaan yang disebabkan oleh kemalangan.

- Sila rujuk kepada jadual manfaat dan ciri penuh dalam kontrak polisi.
- Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans pada setiap tahun.

3) Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu anda bayar adalah bergantung kepada bilangan pekerja asing yang digajikan dan ingin diinsuranskan dan anda perlu mengisytiharkannya kepada kami.

Jenis	Jumlah
Manfaat 1 hingga Manfaat 4 (bagi setiap pekerja)	RM 50.00
Manfaat 1 hingga Manfaat 5 (bagi setiap pekerja) - Termasuk Manfaat Pilihan	RM 90.00

4) Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj yang perlu anda bayar adalah:

Jenis	Jumlah
Komisen dibayar kepada Pengantara Insurans (jika ada)	25% dari premium
Duti Setem	RM 10.00
Cukai Perkhidmatan	6% dari premium

5) Apakah di antara terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

- Kewajipan Pendedahan
Anda perlu memberikan fakta yang lengkap dan benar di dalam borang permohonan anda; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Anda perlu memastikan bahawa butiran pekerja asing adalah lengkap dan benar.
- Anda perlu memberitahu ejen atau kami secara bertulis mengenai sebarang kemasukan dan pemberhentian pekerja atau apa-apa perubahan penting semasa tempoh polisi supaya pindaan dapat diendorskan kepada polisi anda.
- Mereka yang layak bagi perlindungan di bawah polisi ini adalah pekerja asing sepenuh masa yang bekerja dengan Pemegang Polisi pada masa sekarang dan akan datang, yang terlibat secara aktif dalam pekerjaan mereka.
 - Mana-mana Orang Yang Diinsuranskan mesti berumur di antara 18 hingga 65 tahun pada tarikh kemasukannya dalam polisi ini dan dia haruslah bebas daripada kecacatan fizikal.
- Polisi anda adalah tertakluk kepada Waranti Premium. Sila pastikan premium dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan polisi.
- Penyerahan Tuntutan
Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memberitahu kami dalam tempoh 30 hari dan mengemukakan tuntutan anda dengan dokumen yang diperlukan dalam tempoh 14 hari selepas pemberitahuan.

6) Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak merangkumi:

- Liabiliti undang-undang biasa
- War, terrorism and civil war
- Tindakan menyalahi undang-undang, bunuh diri dan mencederakan diri sendiri dengan sengaja
- Terbang atau mengembara di dalam pesawat melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang
- Pengaruh alkohol atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan berdaftar.
- Aktiviti sukan berbahaya seperti mendaki gunung, menyelam, lumba motor, dan lain-lain.

(Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah dasar ini.)

7) Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Sekiranya anda memberikan notis kepada Syarikat untuk menamatkan Polisi ini, penamatan akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima oleh Syarikat atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh melebihi tarikh pembatalan Polisi ini, kadar jangka pendek Syarikat akan dikenakan sekiranya tiada tuntutan dibuat semasa Tempoh Insurans.

8) Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan/peribadi saya?

Ia adalah penting untuk anda memberitahu kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas butiran perhubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang ditetapkan.

9) Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai **Insurans Pekerja Asing** atau sebarang jenis produk insurans lain, anda boleh menghubungi kami secara langsung atau melawati mana-mana cawangan atau ejen kami untuk kemudahan anda. Sebagai alternatif, anda boleh melayari laman web kami di www.tuneprotect.com.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tune Protect Malaysia

*Tune Insurance Malaysia Berhad
Company No.: 197601004719 (30686-K)*

Tingkat 9, Wisma Tune,
No. 19 Lorong Dungun, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur,
Malaysia.

No. Tel. : 1800 88 5753

Faks : 03-2094 1366

Emel : hello.my@tuneprotect.com

Laman Web : www.tuneprotect.com

10) Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Pekerja Asing yang disediakan:

Lain-lain jenis perlindungan insurans yang disediakan adalah seperti berikut:

- a) **Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (FWHS)**
- b) **Jaminan Insurans Pekerja Asing (FWIG)**



NOTA PENTING

Anda dinasihatkan untuk memperhatikan skala manfaat bagi kematian dan kehilangan upaya dalam polisi insurans anda. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama dan memastikan penama anda mengetahui polisi kemalangan diri yang telah anda beli. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans ini dan berbincang dengan ejen atau hubungi syarikat insurans secara langsung untuk maklumat lanjut.

Maklumat yang diberikan dalam lampiran pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat yang digunapakai dinyatakan dalam kontrak polisi.